

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 27 February 1972 > Page 7 > Ahmad Nispu, 70 tahun, pelakun yg maseh gagah

Ahmad Nispu, 70 tahun, pelakun yg maseh gagah

Berita Harian, 27 February 1972, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL6979

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Ahmad Nispu, 70 tahun, pelakun yg maseh gagah

A. RANI MUSTAFFA

Pengalaman sa-orang tokoh bangsawan

Oleh

MAJALLAH2 pernah mengkeritik dan ramai orang pernah mengatakan bahawa pelakun2 bangsawan tidak boleh berlakun sa-lain dari di-pentas bangsawan.

Ada pula sa-orang dua pelakun yang mengambil peranan dalam filem2 telah dikeritik

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
27 February 1972Reel Number:
NL6979

Share

Table of Contents

< Previous

Page 7

Next >

Ahmad Nispu, 70 tahun, pelakun yg maseh gagah

Ahmad Nispu, 70 tahun, pelakun yg maseh gagah A.
RANI MUSTAFFA Pengalaman sa-orang tokoh

Pameran seni kerajinan tangan guru2 kali kedua 8 Mach depan di-Perpustakaan

Pameran seni kerajinan tangan guru2 kali kedua 8 Mach
depan di-Perpustakaan MUSA KASBI Oleh

Halaman 7 Iklan Ruangan 1

htght gb r M^ rERKHIDMATAN KERAJAAN MALAYSIA
PERMOHONAN RAGU ANTEKANI KALAWATAN

View Full Table of Contents >

oleh majallah2 filem tentang mutu lakunan mereka yang rendah.

Tetapi Enche Ahmad Nispu, 70 tahun, telah membuktikan bahawa bukan semua pelakun bangsawan tidak boleh berlakun sa-lain

dari di-pentas bangsawan, malah dia boleh berlakun dalam filem dan dalam talishen juga.

Kenyataan itu dapat dibuktikan oleh Enche Ahmad Nispu apabila dia telah di-pilih oleh seniman pujaan ramai Enche P. Ramli untuk berlakun dalam filem demi filem.

Filem2 yang turut dilakunkan-nya dan di-arahkan oleh seniman P. Ramli ialah Pendekar Bujang Lapok, Musang Berjanggut, Nujum Pak Belalang, Seniman Bujang Lapok, Ibu Mertua Ku, Madu Tiga dan Tiga Abdul.

Seniman P. Ramli sendiri pernah mengakui bahawa Enche Ahmad Nispu mempunyai bakat besar sa-bagai sa-orang pelakun dan boleh maju dalam lakunan-nya.

Enche Ahmad Nispu berlakun dalam filem sejak awal tahun lima pulohan hingga tahun enam pulohan. Kebanyakan lakunan2-nya itu dalam filem keluaran Shaw Brothers. Di-samping itu beliau berlakun juga dalam filem keluaran Cathay-Keris. Semua lakunan-nya di-bayar sa-chara kontrek.

Di-antara filem2 keluaran Cathay-Keris yang di-lakunkan-nya ia-lah Dang Anum,

Dua Kali Lima, dan banyak lagi sa-bagi pelakun tambahan.

Kejayaan-nya bukan habis di-situ sahaja, tetapi Enche Ahmad Nispu di-pilih pula oleh Enche Zain Mahmud untuk berlakun dalam TV cerita Anak Wayang dan cerita Bujang Pulang Merantau.

Dia juga pernah mengambil bahagian dalam cerita2 bangsawan di-radio.

Enche Ahmad Nispu bagaimana pun tidak-lah samata2 bergantung kepada lakunan untuk sara hidupnya. Dia berniaga sa-chara kechil2an.

Enche Ahmad Nispu lahir di-Pulau Pinang pada tahun 1902. Bapa-nya sa-orang tokoh utama dalam

Wayang Kassim sa-buah sharikat wayang— di-sana dan tidak hairan-lah kalau Enche Ahmad menjadi sa-orang pelakun bangsawan juga.

Ketika berumur 10 tahun dia telah di-beri peranan kecil sahaja oleh bapa-nya tetapi ketika umur-nya menjelang 30 tahun beliau menjadi tokoh utama dan diminati oleh ramai.

Dia mula berlakun dalam Grand Opera di-Perak ayah-nya bekerja sa-bagai pelakun. Sa-telah itu berlakun pula dalam Star Opera di-Perak juga pada tahun 1912 apabila ayah-nya bertukar kerja.

Sa-lepas itu dia mengikut bapa-nya pulang ka-Pulau Pinang dan menetap di-sana sa-hingga perang dunia pertama 1912 – 1914.

Pada tahun 1920 dia telah membuat keputusan untuk meninggalkan kampung-nya, mengikut Indera Bangsawan kepunyaan Che Siti Hawa yang terkenal dengan nama Seri Panggong Mak Lebai.

Menurut Enche Ahmad Nispu, Indera Bangsawan segala2-nya mengikut bentuk 'Wayang Parsi.'

Enche Ahmad mengikut Indera Bangsawan sa-lama tiga tahun dengan gaji 25 sen sa-malam. Untuk mendapat kerja itu pun tidak mudah kerana sa-belum masuk kebolehan-nya berlakun dan menyanyi di-uji dahulu.

Walau bagaimana pun Enche Ahmad Nispu tidak kekal di-situ. Dia berpindah pula ka-Malay Grand Opera. pada masa itu bangsawan itu mempunyai empat 'orang muda' yang berkebolehan; masing2 bergaji \$45 sa-bulan, dan Enche Ahmad sa-orang daripada-nya.

Tidak berapa lama sa-telah berlakun di-wayang itu, dia terpilih menjadi tokoh pelakun nombor satu dan gaji-nya di-naikkan menjadi \$60 sa-bulan. Pada masa itu gaji sa-banyak itu sangat besar.

Pada tahun 1932 Enche Ahmad berlakun pula dengan Nooran Opera of Malacca kepunyaan Enche Abdul Rahman bin Mat sa-hingga tahun 1952.

Bangsawan ini terkenal kapada keluarga di-Raja Perak kerana wayang bangsawan itu terator istiadat-nya. teknik lampu-nya

dekórasi-nya dan muzik-nya.

Dengan wayang Nooran Opera ini-lah Enche Ahmad Nispu telah merantau keseluruh Tanah Melayu dan daerah sekitar-nya.

Ketika Enche Ahmad dipunchak kemashhoran-nya, dalam usia kira2 30 tahun dia telah kahwin dengan Seri Panggong yang terkenal, Allah Yarhamah Che Rubiah binti Babji.

Menurut Enche Ahmad Nispu, Wayang Bangsawan berasal dari Wayang Parsi, "Kalau Wayang Parsi menggunakan bahasa Hindustan, Wayang Bangsawan menggunakan bahasa Melayu. Hanya berbedza dalam bahasa sahaja."

Enche Ahmad menjelaskan bahawa sebab2 yang dinamakan bangsawan ia-lah kerana peserta2 yang mengambil bahagian terdiri dari berbagai golongan masyarakat dan bangsa.

Satu sebab-nya yang penting ia-lah kerana pelakun2 dan pekerja2-nya terdiri dari orang baik2 belaka dan ada juga anak2 raja, maka itu-lah di-namakan wayang bangsawan dan itu-lah asal mula bangsawan itu," kata Enche Ahmad.

Menjawab satu pertanyaan Enche Ahmad Nispu menerangkan bahawa sesiapa yang ingin belajar berlakun "Pak Mat sedia mengajar-nya."





Enche Ahmad Nispu

Related Articles



Drama 2 Melayu sedang hadapi zaman merosot?

Berita Harian 31 October 1971

Drama 2 Melayu sedang hadapi zaman merosot? AZMI MAHMUD Oleh BADAN2

Pekerja bangsawan Murni (60) menjadi pemimpin kugiran

Berita Harian 13 July 1971

Pekerja bangsawan Murni (60) menjadi pemimpin kugiran A. Rani Mustapha...

Sadikit sejarah perkembangan Seni Derama di-negara kita


Berita Harian 8 October 1972

Sadikit sejarah perkembangan Seni Derama di-negara kita Alias Husaini ...



National Library Board
Singapore



[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#) [Browser Compatibility](#)

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019